

2 juta terputus bekalan, Sungai Semenyih dicemari ammonia

Lagi air busuk

Ammonia 16/4

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID

BANGI 15 April – Busuk lagi. Lebih dua juta penduduk di empat daerah di Selangor termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), terputus bekalan air selama 24 jam ekoran berlaku pencemaran air busuk ammonia di Sungai Semenyih awal pagi ini.

Sehubungan itu, operasi Loji Rawatan Air Semenyih yang menerima bekalan air dari sungai tersebut terpaksa dihentikan berikutan kandungan ammonia yang dikesan mencapai tahap berbahaya iaitu 4.8 miligram (mg) seliter berbanding 1.5mg seliter pada tahap normal.

Pencemaran yang berpunca air kotor (*leachate*) daripada pusat pelupusan sampah Sungai Chembong kepunyaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) itu menyebabkan penduduk di daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling dan Sepang, terputus bekalan air mulai tengah hari ini.

● **Pencemaran: Sungai Juru kekal di tangga teratas – Muka 16**

Ia merupakan insiden kedua melibatkan loji air yang sama akibat pencemaran sisa sampah yang terdapat di tapak pelupusan sampah berkenaan.

Setakat ini belum pasti langkah yang akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai insiden terbaru ini.

Insiden pertama berlaku dua tahun lalu tetapi kandungan ammonianya tidak serius dan operasi loji hanya dihentikan untuk tempoh sehari.

Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Tan Sri Rozali Ismail yang meninjau ke kawasan terbabit berkata, sehingga lewat petang ini, tahap kandungan ammonia yang terdapat di sungai itu masih berbahaya dan operasi loji dihentikan bermula pukul 8.30 pagi, terpaksa dilanjutkan.

Bagi memudahkan orang ramai, katanya, lebih 300 kakitangan Syabas akan ditempatkan



ROZALI Ismail menguji sampel air untuk menentukan tahap kandungan gas ammonia di tapak pelupusan sampah Sungai Chembong di Semenyih, Kajang, semalam.

– Gambar SHAZNI NABIL SAASON

Lagi air busuk

di empat daerah terlibat bagi membekalkan lebih 100 tangki air bersih kepada penduduk.

“Kerajaan negeri telah dimaklumkan berikutan insiden itu dan satu mesyuarat tergempar diadakan bagi mengenal pasti tindakan susulan,” katanya.

Dalam kejadian 1.30 pagi ini, sisa sampah yang mengandungi ammonia di pusat pelupusan sampah terbabit melimpah memasuki sungai akibat benteng tanah yang menghalang sampah memasuki sungai, runtuh ketika waktu hujan lebat.

Kira-kira dua bulan lalu, Sungai Selangor turut dicemari kandungan ammonia yang tinggi iaitu 9.2mg seliter, menjadikan air dibekalkan kepada penduduk Lembah Klang berbau busuk. Isu itu menjadi hangat sehingga memaksa Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid meninjau ke tapak pelupusan sampah di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Bagaimanapun sehingga ke hari ini punca kejadian itu masih belum jelas dan terjawab.

Rozali memberitahu, loji rawatan air Semenyih di Putrajaya juga terpaksa ditutup beberapa hari sekiranya tahap ammonia sungai tersebut masih tidak berkurangan.

“Kita bimbang kandungan ammonia akan meningkat sekiranya berlaku hujan lebat dan MPKj tidak bertindak segera membina benteng untuk menghalang air sisa sampah memasuki sungai,” ujarnya.

Ujarnya, bekalan air dijangka pulih sepenuhnya awal pagi esok apabila tahap ammonia di sungai berkenaan berkurangan.

Hujan malam ini juga dijangka membantu mengurangkan tahap ammonia di sungai tersebut.

Katanya, akibat kejadian itu juga, Syabas terpaksa menanggung kerugian yang banyak akibat penutupan loji rawatan air berkenaan.

Kata beliau, Syabas tidak mahu dipersalahkan kerana membekalkan air busuk atau tercemar selepas kejadian pencemaran Sungai Selangor kira-kira dua bulan lalu.

“Saya harap penduduk di kawasan terlibat bersabar dan pihak Syabas sendiri telah mengambil langkah proaktif dengan membekalkan air bersih ke rumah-rumah,” katanya.

Beliau meminta orang ramai yang terlibat dengan gangguan itu menghubungi PUSPEL di talian 1-800-88-5252 atau SMS ke 39222 untuk sebarang pertanyaan.